

16 OCT 2002

Mahathir-Lawat/I

DR MAHATHIR TIBA DI HYDERABAD INDIA

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

HYDERABAD, 16 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini tiba di Hyderabad, ibu negara Andhra Pradesh di selatan benua India untuk meninjau dari dekat pembangunan sektor IT di negeri itu.

Ini merupakan lawatan sulung Dr Mahathir ke Hyderabad, sebuah metropolis berusia lebih 400 tahun dengan 4.2 juta penduduk, yang kini semakin menyerlah sebagai Pusat Teknologi Maklumat (IT) benua itu.

Beberapa pintu gerbang menyambut kedatangan Perdana Menteri didirikan di tempat-tempat strategik di sepanjang jalan-jalan utama. Hyderabad menjadi destinasi pertama Perdana Menteri dalam rangka lawatan ke tiga negara dengan lawatan ke Pakistan dan Arab Saudi menyusul selepas ini.

Dr Mahathir kali terakhir melawat India enam tahun lepas.

Ketibaan Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah di lapangan terbang disambut oleh Ketua Menteri Andhra Pradesh Chandrababu Naidu dan isterinya Pn Bhuvaneshwari Naidu.

Tiga Menteri - Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan rasmi dua hari itu.

Selepas itu, Dr Mahathir bertolak ke Hyderabad Information Technology Engineering Consultancy (Bandaraya Hi-Tec) di Madhapur, yang mengambil masa sejam untuk sampai dengan kereta dan di situ beliau meninjau infrastruktur di sana yang berjaya menarik pelbagai syarikat multinasional untuk menubuhkan cawangan-cawangan mereka di situ.

Satu penyampaian mengenai bandaraya yang dilancarkan pada 1997 itu akan dilakukan oleh Setiausaha Utama bagi Jabatan IT dan Komunikasi J.Satyanarayana kepada para tetamu dari Malaysia itu.

Dr Mahathir kemudian akan ke International Institute of Information Technology (IIIT), yang berada tidak jauh daripada Hitec City itu.

Satu daripada matlamat utama institut itu ialah untuk menyampaikan pendidikan IT yang luas dan merentasi pelbagai disiplin.

Selepas melawat institut itu, Perdana Menteri akan melawat Infosys Technologies yang menggajikan 60 profesional perisian komputer di Hyderabad sahaja.

Syarikat itu mempunyai pusat-pusat pembangunan perisian di lapan bandaraya di India dan juga di luar negara.

Malam ini, Dr Mahathir akan menghadiri majlis makan malam rasmi.

Esok, Perdana Menteri akan melawat Satyam Computers Services Ltd, sebuah pembekal pelbagai penyelesaian IT hujung-ke-hujung, di Mayfair Centre di Secunderabad.

Perdana Menteri akan kembali ke hotel dan mengadakan satu persidangan berita dan menerima kunjungan perpisahan Ketua Menteri Andhra Pradesh sebelum bertolak ke New Delhi.

Dr Mahathir akan berada di ibu negara India selama dua hari sebelum ke Islamabad dan Arab Saudi.

-- BERNAMA

AZZ HK PR